

BAB 3

SINOPSIS FILEM

3.1 PENGENALAN

Bagi merealisasikan objektif kajian, penulis memilih filem *Ketika Cinta Bertasbih* sebagai skop kajian. Secara umumnya pemilihan filem ini kerana ia merupakan hasil adaptasi daripada pemikiran seorang sarjana Al-Azhar iaitu Habiburrahman El-Shirazy.¹ Beliau turut terlibat dalam mengawal cerita, pemilihan artis, proses penggambaran dari mula sehingga akhir. Keistimewaan filem ini adalah ia mampu mengangkat nilai-nilai akhlak serta moral Islam.² Selain itu pemilihan filem ini ialah agar ia dapat menjadi contoh kepada penggiat filem dalam melahirkan filem Islam .

Bagi mendapat gambaran terhadap filem yang dianalisis, bab ini akan menghurai sinopsis filem *Ketika Cinta Bertasbih*, serta beberapa maklumat yang berkaitan dengan filem ini, seperti peranan watak utama dalam filem, lirik lagu yang dimainkan dalam filem, krew-krew yang terlibat dalam pembikinan filem, ulasan terhadap filem *Ketika Cinta Bertasbih*, tema dan falsafah filem serta elemen kekuatan dan kelemahan filem.

¹ Abdullah Yusof et. al. (2010), “Konsep Feminisme Islam di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih”, (Kertas Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia di Universiti Malaya, 5-6 Oktober 2010), Hlm. 43.

² *Ibid.*

3.2 SINOPSIS FILEM



Gambar Rajah 3.1: Filem Ketika Cinta Bertasbih

Filem ini menampilkan watak utama Abdullah Khairul Azzam yang berumur 28 tahun. Pemuda ini berasal dari sebuah desa di Jawa Tengah, Indonesia dan seorang mahasiswa yang masih menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir sejak 9 tahun. Setelah kematian bapanya, Azzam sebagai anak sulung telah memikul tanggungjawab kehidupan keluarganya. Dia terpaksa membahagikan masa kuliah dengan bekerja bagi menampung perbelanjaannya di Mesir serta perbelanjaan kehidupan keluarganya di Indonesia. Bagi menampung perbelanjaan tersebut beliau bekerja sebagai penjual tempe dan bakso di Mesir. Kehidupan Azzam di Mesir telah menemukan Azzam dengan Eliana Pramesti Alam, iaitu puteri kepada Duta Besar Indonesia di Mesir. Eliana seorang yang berkelulusan EHESS Perancis dan sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Pasca Siswazah di American University in Cairo. Selain itu, Eliana merupakan pelakon filem produksi Hollywood serta filem layar lebar dan drama di Jakarta. Hasil daripada perkenalan tersebut membuat Eliana menaruh hati kepada Azzam. Bagaimanapun atas nasihat dari Pak Ali, seorang

pemandu yang sangat dekat dengan keluarga Eliana menyatakan bahawa Azzam tidak sepadan buat Eliana. Beliau menyarankan agar Azzam melamar seorang mahasiswi Indonesia bernama Anna Althafunnisa. Anna adalah seorang gadis yang mempunyai kelulusan Ijazah dari Kulliyyat Banaat di Iskandariah dan sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Kulliyyat Banaat Al-Azhar, Kaherah. Selain itu Anna mempunyai peribadi wanita solehah dan berasal dari keturunan Kiai Pesantren bernama Kiai Luthfi Hakim.

Atas nasihat Pak Ali, Khaerul Azzam telah menemui bapa saudara Anna yang berada di Kaherah, iaitu Ustaz Mujab untuk melamar Anna walaupun Azzam belum pernah bertemu atau melihat Anna. Namun lamaran itu ditolak atas dasar status Anna yang masih belum selesai Sarjananya dan kedudukan Azzam sebagai penjualan tempe dan bakso. Selain itu, Anna telah dilamar lebih dulu oleh seorang jejaka, iaitu Furqan sahabat Azzam yang juga mahasiswa dari keluarga kaya dan bakal menyelesaikan Sarjananya. Azzam terpaksa menerima alasan itu, meskipun hatinya cukup sedih dan perit. Sementara Furqan kemudiannya mendapat musibah yang sangat menghancurkan harapan hidupnya iaitu disahkan membawa virus HIV/AIDS. Namun ini hanyalah sandiwara akibat satu sindiket permainan Sarah, nama sebenar Golda Olmert (gadis Itali) yang memeras ugut Furqan agar memasukkan sejumlah wang (US 200 K) ke akaun di Rom, Itali.

Sementara itu Ayyatul Husna, adik Azzam yang sering mengirim berita dari kampung, membawa khabar yang cukup menggembirakan hati Azzam kerana Husna telah lulus kuliah di Universiti Sebelas Maret, ia juga sudah bekerja sebagai ahli Psikologi. Kepintaran Husna dalam penulisan sudah cukup untuk membiayai adik-

adiknya. Akhirnya Azzam bertekad untuk belajar dan lulus dalam pelajaran bagi menepati janji kepada keluarganya.

Akhirnya Azzam berjaya bergelar sarjana lulusan Al-Azhar. Setelah itu Azzam kembali ke Indonesia untuk bertemu ibu dan adik-adiknya. Kepulangannya dari Mesir turut disertai dengan kehadiran Eliana, yang kebetulan satu pesawat dengannya. Manakala Anna dan Furqan pula sedang sibuk untuk membuat persiapan perkahwinan mereka. Jelasnya, diraut wajah Azzam masih tersimpan perasaan pada Anna semasa menghadiri persandingan Anna dan Furqan.

Kepulangan Azzam ke kampung halaman telah menjadi buah mulut jiran-jirannya. Ini kerana Azzam yang mempunyai Ijazah dari Al-Azhar tetapi masih belum mempunyai pekerjaan tetap. Keadaan ini menyebabkan ibunya menasihati Azzam agar ada inovasi dan prinsip hidup sebagai lulusan Al-Azhar untuk lebih berjaya pada masa hadapan. Atas nasihat dan dorongan ibunya, Azzam telah memulakan perniagaan *Bakso Cinta* dari perniagaan kecil-kecilan sehingga ke peringkat yang lebih besar dan maju. Pada masa yang sama dia tidak lupa untuk mendalami ilmu agamanya di sebuah pesantren. Kebetulan Kiai Luthfi Hakim yang mengajar di pesantren tersebut ialah bapa kepada Anna. Pada suatu hari, Kiai Luthfi Hakim telah meminta Azzam menggantikan tempatnya untuk mengajar kitab *al-Hikam*, kerana ketika itu beliau ada urusan lain. Sejak itu Azzam mula dikenali oleh masyarakat serta jemaah yang datang belajar di pesantren itu.

Manakala perkahwinan Anna dan Furqan akhirnya mengundang masalah kerana Furqan dibayangi mimpi ngeri mengidap HIV sedangkan Anna tidak mengetahui hal

tersebut. Selama 6 bulan bernikah Anna belum disentuh, akhirnya Anna memohon diceraikan dan Furqan tewas atas permintaan terburu-buru Anna.

Azzam pula masih terus mencari calon isteri buat dirinya, tetapi beliau sering menemui kegagalan. Hingga pada suatu hari Azzam dan ibunya telah ditimpa kecelakaan jalan raya, sehingga meragut nyawa ibunya. Kematian ibunya telah membuat Azzam sudah buntu dalam mencari calon isteri, ia merasakan dirinya sering menemui kegagalan. Akhirnya Azzam menemui Kiai Luthfi Hakim untuk meluahkan segala masalahnya dan berserah kepada Kiai untuk menjodohkan ia dengan mana-mana wanita yang sesuai untuk dirinya. Kiai telah menawarkan anak kandungnya sendiri iaitu Anna Althafunnisa untuk dinikahi. Azzam begitu gembira dan bersetuju untuk menikahi Anna. Anna yang mencuri dengar perbualan itu terus sujud syukur dengan tangisan hiba bercampur gembira. Furqan pula atas desakan bapanya telah berusaha membuat ujian darahnya di beberapa makmal di Jakarta, Beijing, Sydney dan Singapura dan akhirnya dia disahkan negatif dari virus HIV. Furqan menemui keluarga Anna untuk merujuk kembali bersama Anna. Tetapi harapannya tidak kesampaian kerana Anna telah pun berkahwin dengan Azzam.

3.3 TEMA DAN FALSAFAH FILEM

3.3.1 Peranan ilmu dalam melahirkan insan yang cemerlang.

Tema serta falsafah pertama yang boleh dilihat dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* ini adalah, kekuatan dan kelebihan pengaruh budaya ilmu dalam melahirkan insan

yang cemerlang, celik ilmu, kritikal dan seimbang.³ Sebagai contoh yang digambarkan dalam paparan cerita dan watak Azzam yang tidak mudah putus asa walaupun sudah sembilan tahun di Mesir, beliau masih meneruskan perjuangannya bagi menyiapkan pengajiannya di peringkat ijazah pertamanya. Begitu juga seperti mana yang digambarkan oleh Anna, Furqan serta Eliana, kerana semangat mencintai ilmu, mereka masih terus melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat pasca siswazah. Tidak terkecuali juga dengan Husna, dengan menjadikan abangnya sebagai idola akhirnya ia berjaya memperoleh kelulusan dari Universiti Sebelas Maret.

Dalam mendalami ilmu pengetahuan ia bukan sahaja mampu melahirkan cendekiawan, tetapi ia juga mampu melahirkan insan yang lebih tawaduk dan merendah diri. Bak kata pepatah Melayu “*hendaklah jadi seperti resminya padi, semakin berisi semakin menunduk*”. Sebagai contoh yang digambarkan oleh Azzam, walaupun sudah bergelar sarjana Al-Azhar tetapi beliau masih tetap terus menuntut ilmu di masjid kepunyaan Kiai Lutfi. Selain itu beliau tidak berasa malu atau sompong dalam menerima pandangan serta nasihat dari orang lain, walaupun ia dari adiknya sendiri.

3.3.2 Penerangan tentang konsep cinta Islam yang sejati.

Tema serta falsafah yang kedua pula adalah, penerangan tentang konsep cinta Islam yang sejati.⁴ Kehebatan cinta yang dipandukan dengan syarak mampu melahirkan ikatan hubungan yang bahagia, suci serta romantik. Sebagai contoh yang

³ Abdullah Yusof et al. (2010), “Konsep Feminisme Islam Di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih” dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, Universiti Malaya: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Hlm. 139.

⁴ *Ibid.*, Hlm. 141.

digambarkan oleh Azzam yang telah menolak hadiah ciuman dari Eliana. Bagi Azzam ciuman yang datangnya dari wanita yang bukan *mahram* itu bukannya satu hadiah ataupun keuntungan tetapi merupakan musibah yang mampu mengotorkan kesucian antara lelaki dan wanita itu. Di dalam contoh lain Azzam telah menemui ustaz Mujab bagi tujuan untuk meminang Anna sedangkan beliau sendiri tidak mengenali Anna dan tidak pernah melihat Anna. Tetapi beliau tertarik dengan keilmuan, kecerdikan, kesolehan serta keimanan yang ada pada diri Anna seperti yang digambarkan oleh Pak Ali. Manakala Anna dalam diam telah menaruh hati terhadap Azzam kerana dengan sifat pemurah dan pembela kaum wanita yang ditunjukkan oleh Azzam. Selain itu, Furqan juga tidak kurang hebatnya ia amat meminati Eliana bukan kerana kekayaan, pangkat keluarganya atau kecantikannya tetapi kerana keilmuan yang ada pada Eliana yang mungkin mampu digunakan dalam menyebarkan dakwah Islam.

Cinta yang sejati bukan lahir dari hawa nafsu tetapi dari perasaan yang ikhlas dari hati. Sebagai contoh yang digambarkan oleh Furqan yang amat mencintai Anna bukan kerana kepentingan peribadi semata-mata, jika benar Furqan hanya mementingkan nafsu syahwatnya nescaya Furqan telah mengambil kesempatan ke atas Anna. Begitu juga yang ditunjukkan oleh Azzam, beliau telah mengajak Anna untuk solat bersama sebelum mereka berdua dapat bersama (berjimak). Ini menggambarkan pentingnya mendapat keredaan Allah s.w.t. dalam hubungan percintaan antara suami dan isteri.

3.3.3 Adab dalam hubungan kemasyarakatan sesama makhluk.

Tema dan falsafah yang seterusnya adalah, penekanan tentang kepentingan adab dalam hubungan kemasyarakatan sesama makhluk.⁵ Ini kerana adab merupakan nilai akhlak dan moral dalam Islam. Sebagai contoh yang digambarkan Azzam dalam filem ini, beliau menghormati kebebasan seorang wanita. Semasa Azzam terlantar di hospital beliau membebaskan ikatan tunangnya dengan Alviana, ia bertujuan untuk memberi peluang kepada Alviana untuk menerima lamaran orang lain jika Alviana tidak sabar menunggu kesembuhan Azzam.


Akhlik yang mulia mampu melahirkan hubungan kemasyarakatan yang lebih erat dan kasih sayang antara satu sama lain. Sebagai contoh filem ini menggambarkan satu ikatan dan hubungan kasih sayang dalam persahabatan. Apabila Dhil (sahabat Azzam di Mesir) ditimpa musibah semua rakan-rakan serumahnya mengambil berat ke atas dirinya. Mereka sanggup tololng membaiayai perbelanjaan hospital, agar Dhil sempat sembuh dan dapat menduduki peperiksaan.

Selain itu filem ini menggambarkan adab dan keakraban hubungan antara pelajar dan guru. Tidak kira sama ada guru itu lebih tua ataupun muda. Begitu yang digambarkan dalam filem ini, walaupun Azzam hanya merupakan seorang guru muda dan baru sahaja menamatkan pengajiannya, tetapi beliau tetap mendapat penghormatan dan pujiyan dari pelajar-pelajarnya. Hubungan ini secara tidak langsung akan mewujudkan hubungan kasih sayang antara pelajar dan guru, serta melahirkan majlis ilmu yang lebih berkat di sisi Allah s.w.t.

⁵ *Ibid.*, Hlm. 142.

3.4 WATAK DAN PERWATAKAN UTAMA

3.4.1 Watak Abdullah Khairul Azzam



Gambar Rajah 3.2: Watak Abdullah Khairul Azzam

Pelakon utama lelaki dilakonkan oleh Kholidi Asadil Alam. Beliau memegang watak sebagai Abdullah Khairul Azzam, dan dikenali sebagai Azzam. Dalam perwatakan Azzam merupakan seorang mahasiswa Indonesia di Universiti Al-Azhar Mesir, serta sebagai seorang pembuat dan penjual tempe dan bakso di Mesir. Azzam anak sulung dalam keluarganya dan bertanggungjawab sebagai ketua keluarga selepas kematian ayahnya. Kerana sibuk bekerja untuk mencari rezeki untuk membantu keluarganya yang berada di Indonesia sehingga menyebabkan Azzam lambat untuk menamatkan pelajarannya.

Secara ringkasnya watak ini menceritakan kehidupan seorang mahasiswa Al-Azhar yang terpaksa bekerja sebagai penjual tempe dan bakso untuk menyara keluarganya serta terpaksa menghadapi pelbagai dugaan dalam mencari calon isteri untuk dinikahinya.

3.3.2 Watak Anna Althafunnisa



Gambar Rajah 3.3: Watak Anna Althafunnisa

Pelakon utama wanita dilakonkan oleh Oki Setiana Dewi. Beliau memegang watak sebagai Anna Althafunnisa dan dikenali sebagai Anna. Dalam perwatakan Anna merupakan seorang mahasiswi yang sedang menyiapkan S-2 di Kulliyat Banaat Al-Azhar, Kaherah. Selain itu Anna juga merupakan anak kepada Kiai Pesantren Darul Quran yang berada di desa Wangen, Polanharjo, Klaten yang bernama Kiai Luthfi Hakim.

Kembalinya ke Indonesia, Anna telah berkahwin dengan Furqan. Anna tidak mengetahui bahawa Furqan dijangkiti HIV. Hubungan pernikahan mereka tidak kekal lama, Furqan telah menceraikan Anna. Tidak lama kemudian Anna telah dijodohkan dengan Azzam.

Kesimpulannya watak ini pula cuba mengambarkan naik turunnya kehidupan seorang mahasiswi Al-Azhar, serta terpaksa menghadapi pelbagai dugaan sebagai seorang isteri kepada suami yang dijangkiti HIV/AIDS.

3.3.3 Watak M. Furqan



Gambar Rajah 3.4: Watak M. Furqan

Pelakon seterusnya ialah Andi Arsyil Rahman. Beliau melakonkan watak sebagai M.Furqan dan dikenali sebagai Furqan. Dalam perwatakan beliau merupakan seorang mahasiswa Indonesia yang sedang menyiapkan persiapan untuk *viva* Sarjananya di Universiti Al-Azhar, Mesir. Furqan berasal dari golongan keluarga kaya dan merupakan kenalan kepada Azzam dan Eliana.

Semasa di Mesir, Furqan telah ditimpa musibah, beliau telah menjadi mangsa kepada sindiket pemeras ugut. Lebih malangnya beliau didapati telah dijangkiti HIV/AIDS. Kembalinya ke Indonesia, Furqan telah berkahwin dengan Anna. Hubungan pernikahan mereka tidak kekal lama. Furqan telah menceraikan Anna. Setelah bercerai baru Furqan dapati bahawa dirinya sebenar bebas dari jangkitan HIV/AIDS.

Secara keseluruhannya watak ini menceritakan kehidupan seorang sarjana Al-Azhar yang berasal dari keluarga kaya dan terpaksa menghadapi pelbagai dugaan sebagai seorang pesakit HIV/AIDS.

3.3.4 Watak Eliana Pramesthi Alam



Gambar Rajah 3.5: Watak Eliana Pramesthi Alam

Seterusnya bagi watak Eliana Pramesthi Alam ia dilakukan oleh Andi Sofie Norin. Dalam perwatakan beliau lebih dikenali sebagai Eliana. Eliana merupakan anak kepada Duta Besar Indonesia di Mesir. Eliana memiliki lulusan EHESS Perancis dan sedang melanjutkan sarjana di *American University in Cairo*. Selain itu Eliana juga merupakan seorang pelakon filem dan drama di Jakarta.

Eliana selalu mengupah Azzam untuk menyediakan jamuan makan bagi mana-mana majlis yang diadakan. Dalam diam Eliana telah jatuh hati terhadap Azzam. Tetapi harapannya tidak kesampaian kerana Azzam telah bernikah dengan Anna.

Kesimpulannya watak ini menceritakan kehidupan seorang anak duta yang hidup dalam dunia moden, kebebasan dan popular tetapi menaruh hati terhadap seorang graduan lulusan Al-Azhar.

3.3.5 Watak Ayatul Husna



Gambar Rajah 3.6: Watak Ayatul Husna

Bagi watak seterusnya adalah watak Ayatul Husna. Watak ini dilakukan oleh Meyda Sefira. Dalam perwatakan beliau lebih dikenali sebagai Husna. Husna merupakan adik kepada Azzam. Husna berkelulusan kuliah di Universitas Sebelas Maret, dan bekerja sebagai ahli Psikologi. Kejayaan Husna ini telah meringankan beban Azzam sebagai ketua keluarga. Husna sering mengutus khabar keluarga kepada Azzam di Mesir, serta sentiasa memberi semangat kepada Azzam untuk terus berusaha agar berjaya bergelar lulusan Al-Azhar.

Secara ringkasnya watak ini menceritakan kasih sayang seorang adik kepada abangnya, serta tidak pernah lupa atas jasa titik peluh abangnya dalam menyara keluarga di kampung. Pengorbanan ini telah menjadikan aspirasi kepadanya untuk terus berjaya.

3.5 ULASAN TERHADAP FILEM *KETIKA CINTA BERTASBIH*

Di sini penulis datangkan beberapa ulasan atau pandangan daripada beberapa individu yang telah ditemu bual, daripada berita surat khabar dan daripada analisis sarjana terhadap filem *Ketika Cinta Bertasbih*. Ulasan serta pandangan ini amat penting bagi kajian ini agar dapat mengetahui beberapa maklumat di sebalik pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih*.

3.5.1 Temu Bual

i. Chaerul Umam (Pengarah Filem *Ketika Cinta Bertasbih*)



Gambar Rajah 3.7: Chaerul Umam

Chaerul Umam merupakan anak kelahiran Tegal, Jawa Tengah, Indonesia yang dilahirkan pada 4 April 1943. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Dasar 18, Tegal. Kemudiannya pada tahun 1958 beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Pertama II, Tegala. Seterusnya pada tahun 1964 beliau menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Akhir, Yogyakarta. Selepas tamat

sekolah menengah beliau telah menyambung pelajaran ke Fakultas psikologi Universitas Gadjah Mada Yogyakarta (Tingkat III).⁶

Sebelum menceburi dunia perfileman beliau aktif sebagai pelakon teater di Teater Amatir dari tahun 1964 hingga 1966. Dalam tahun 1966 hingga 1970 beliau juga pernah mengikuti Bengkel Teater Rendra. Beliau mula menceburi dunia perfileman dalam tahun 1973. Filem *Bing Slamet Dukun Palsu* merupakan filem pertama beliau sebagai seorang pelakon. Pada tahun 1983 beliau telah menubuhkan sebuah syarikat perfileman dengan nama Dirut PT Prasidi Teta Film dan ianya masih kekal hingga sekarang.⁷

Sepanjang beliau dalam dunia perfileman beberapa penghargaan telah beliau peroleh. Antara penghargaan yang diperolehi iaitu *The Best Sound Recording* dan *The Best Social Cultural Film* tahun 1977 dalam *Festival Film Asia* di Bangkok. Pada tahun yang sama dalam *Festival Film Asia* di Muangthai beliau menerima penghargaan khusus melalui filem *Al-Kauthar*. Beliau juga pernah meraih penghargaan sebagai pengarah terbaik filem *Titian Serambut Dibelah Tujuh* (*Festival Film Indonesia* 1983), filem *Kejarlah Daku Kau Kutangkap* (*Festival Film Indonesia* 1986) serta dalam filem *Joe Turun ke Desa* (*Festival Film Indonesia* 1990).⁸

Antara filem-filem yang pernah beliau arah seperti filem *Tiga Sekawan* (1975), *Al-Kauthar* (1977) *Fatahillah* (1997), *Cinta Putih* (1977), *Sepasang Merpati* (1979), *Titian Serambut Dibelah Tujuh* (1982), *Hati yang Perawan* (1984), *Bintang Kejora*

⁶ Chaerul Umam, Pengarah Filem Ketika Cinta Bertasbih, Temu bual pada 30 Oktober 2012.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

(1986) *Kejarlah Daku Kau Kutangkap* (1986), *Joe Turun ke Desa* (1989), *Nada dan Dakwah* (1992), *Ramadhan dan Ramona* (1992), *Ketika Cinta Bertasbih* (2008) serta filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2009).⁹

Filem ini merupakan hasil pemikiran beliau bersama dengan Habiburrahman El-Shirazy. Ia juga merupakan filem pertama keterlibatan beliau bekerjasama dengan Habiburrahman. Beliau telah memilih skrip *Ketika Cinta Bertasbih* kerana ia merupakan adaptasi dari novel yang penuh dengan adegan drama, bahasa-bahasa yang digunakan amat indah dan di dalam penceritaannya terdapat konflik serta kejutan yang amat menarik. Bukan itu sahaja, malah unsur-unsur penceritaannya mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan hukum dan kaedah *fiqh* yang tidak banyak diketahui oleh masyarakat awam. Oleh itu beliau amat yakin filem ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari penonton.¹⁰

Sebagai pengarah filem ini, beliau merasakan proses pembikinan filem ini tidak semudah pembikinan filem-filem beliau yang sebelum ini. Pada peringkat awal proses pembikinan filem ini, beberapa perbincangan berkaitan senario filem telah diadakan, sehingga enam kali perubahan telah berlaku. Perbincangan ini dibuat antara beliau bersama penulis novel *Ketika Cinta Bertasbih*, penulis senario filem dan penerbit filem. Perbincangan ini bertujuan bagi mencari lokasi yang sesuai dengan kehendak senario penceritaan filem, baik di Mesir mahupun di Indonesia. Selain itu perbincangan ini juga bertujuan bagi mencari pelakon yang sesuai dengan watak dan perwatakan yang ingin dilakukan. Malah mereka terpaksa mengadakan

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

latihan bagi pelakon-pelakon yang baru. Setelah semua peringkat ini selesai barulah mereka terjun ke lapangan untuk menjalani penggambaran filem.¹¹

Semasa dalam pemilihan pelakon, beliau telah bersama dengan beberapa tokoh filem dan Habiburrahman mengadakan uji bakat bagi mencari pelakon yang sesuai. Bagi mencari calon yang terbaik, mereka telah menyusuri ke setiap kota besar di Indonesia seperti Jakarta, Medan, Padang, Yogyakarta, Bandung, Surabaya, Ujung Pandang, Pontianak bahkan sampai ke Mesir. Tujuan ini adalah bagi mencari pelakon yang benar-benar berdasarkan atau mengikut hukum-hukum Islam, mereka yang mempunyai kebolehan membaca Quran, menjalankan syariat Islam dalam kehidupan seharian dan mempunyai bakat dalam bidang lakonan, terutama mereka yang boleh menyesuaikan diri dengan lokasi penggambaran di Mesir.¹²

Bagaimanapun beliau berpandangan walau pelaksanaan filem ini berjalan dengan lancar dan tercapai objektif penceritaan yang dikehendaki, namun beliau masih belum berpuas hati kerana filem ini tidak bisa menggambarkan adegan-adegan secara penuh yang terdapat dalam novel. Mungkin kerana itu beliau tidak pasti adakah filem *Ketika Cinta Bertasbih* mampu dijadikan panduan untuk filem-filem Islam yang lain. Namun beliau masih yakin filem ini boleh memberi pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat.¹³

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

ii. **Habiburrahman El-Shirazy (Penulis Skrip Filem *Ketika Cinta Bertasbih*)**



Gambar Rajah 3.8: Habiburrahman El-Shirazy

Habiburrahman merupakan penulis kepada novel *Ketika Cinta Bertasbih*. Iaitu novel yang diadaptasikan kepada pembikinan filem *Ketika Cinta Bertasbih*. Habiburrahman El-Shirazy merupakan anak kelahiran Semarang yang dilahirkan pada hari Khamis bersamaan 30 September 1976. Beliau mendapat pendidikan menengah di Mts Futuhiyyah 1 Mranggen. Beliau turut mempelajari kitab kuning di Pondok Pesantren al-Anwar, Mranggen, Demak di bawah asuhan KH. Abdul Bashir Hamzah. Pada tahun 1992 beliau melanjutkan pelajaran ke Madrasah Aliyah Program Khusus (MAPK) Surakarta dan lulus pada tahun 1995. Kemudiannya beliau melanjutkan pelajaran ke Fakulti Usuluddin di Universiti Al-Azhar Kaherah dalam jurusan hadith dan lulus pada tahun 1999. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di *The Institute for Islamic in Cairo* dan pada tahun 2001 telah berjaya memperoleh Postgraduate Diploma (Pg.D) MA.¹⁴

¹⁴ Habiburrahman El-Shirazy (2007), *Ketika Cinta Bertasbih*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Ar Risalah Product Sdn. Bhd., Hlm. 479.

Antara kejayaan beliau adalah meraih Juara II pertandingan menulis artikel se-MAN I Surakarta (1994), pemenang pertama dalam pertandingan baca puisi keagamaan tingkat SLTA se-Jateng (1994) dan ICMI Orwil Jateng (1994), pemenang pertama pertandingan pidato peringkat remaja se-eks Karesidenan Surakarta (1994), pemenang pertama pertandingan pidato bahasa Arab se-Jateng dan DIY (1994) dan tempat kelima dalam pertandingan KIR tingkat SLTA se-Jateng (1995).¹⁵

Walaupun beliau tidak terlibat secara langsung dalam dunia perfilman tetapi beliau pernah menghasilkan beberapa naskah drama dan memimpin pementasannya di Cairo antaranya “*Wa Islam*” (1999), “*Sang Kyai dan Sang Durjana*” (2000) dan “*Darah Syuhada*” (2000).¹⁶

Selain dari novel *Ketika Cinta Bertasbih* beliau juga berjaya menghasilkan beberapa novel lain antaranya novel *Bumi Cinta*, *Ketika Cinta Berbuah Surga*, *Di Atas Sejadah Cinta*, *Ayat-Ayat Cinta*, *Dalam Mihrab Cinta*, dan lain-lain lagi.¹⁷

Tujuan utama beliau memfilemkan *Ketika Cinta Bertasbih* adalah niat dan tujuan untuk memperluaskan dakwah Islam. Oleh kerana itu beliau turut berlakon dalam filem ini, agar filem *Ketika Cinta Bertasbih* mampu mencapai lebih tahap maksimum dalam menyampaikan mesej dakwah. Selain dari berlakon beliau juga terlibat secara keseluruhan dalam proses pembikinan filem seperti mengawal penceritaan, pemilihan artis melalui uji bakat, proses penggambaran dari mula sehingga akhir.¹⁸

¹⁵ *Ibid.*, Hlm. 480.

¹⁶ *Ibid.*, Hlm. 481.

¹⁷ *Ibid.*, Hlm. 483.

¹⁸ Habiburrahman El-Shirazy, Penulis Skrip Filem Ketika Cinta Bertasbih, Temu bual pada 31 Oktober 2012.

Bagi diri beliau keistimewaan filem ini adalah keaslian lokasinya, ini kerana ia dilakukan benar-benar di tempat aslinya iaitu di Mesir dan Indonesia. Bukan itu sahaja malah unsur-unsur yang terdapat dalam filem ini dijaga dan ditapis agar tetap bersesuaian dengan ajaran Islam. Oleh kerana itu, beliau merasakan filem ini lebih dekat dengan jalan cerita asli novelnya.

Sebagai salah seorang pelakon dan penulis skrip filem ini, beliau berasa puas hati dengan proses penggambaran dan hasil filem ini. Kerana ini beliau beranggapan filem ini boleh dijadikan panduan untuk filem-filem Islam yang lain. Akhir sekali beliau berharap akan ada filem Islam yang lebih baik dari filem *Ketika Cinta Bertasbih*, selagi mana umat Islam masih mencintai Islam.¹⁹

3.5.2 Surat Khabar

i. Kholidi Asadil Alam (Pelakon Filem *Ketika Cinta Bertasbih*)



Gambar Rajah 3.9: Kholidi Asadil Alam

¹⁹ Ibid.

Nama penuh beliau adalah Kholidi Asadil Alam dan nama panggilan mesra beliau adalah Odi. Beliau berasal dari Pasuruan, Indonesia dan dilahirkan pada pada 30 Mac 1989. Beliau merupakan pelajar Universiti Al-Azhar dan mengambil dalam jurusan penyiaran. Sebelum bergelar pelakon, beliau pernah belajar teater dengan Slamet Raharjo, Alex Komang dan Christine Hakim. Daripadalah situ beliau mula belajar mengenai seni lakonan.²⁰

Filem pertama lakonan beliau adalah filem *Ketika Cinta Bersabih* (2009), manakala filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2009) pula merupakan filem kedua lakonan beliau. Selain filem beliau juga pernah terlibat dalam lakonan drama. Antara drama-drama yang pernah beliau bintangi seperti *Ketika Cinta Bertasbih - Spesial Ramadan* (2010), *Ketika Cinta Bertasbih - Meraih Ridho Ilahi* (2010) dan *Dari Sujud Ke Sujud* (2011).²¹

Tujuan beliau berlakon dalam filem ini adalah niat untuk berdakwah kepada masyarakat. Dalam filem ini beliau diamanahkan untuk melakonkan watak Azzam. Jika dilihat dari karakter watak tersebut dengan diri realitinya ada yang sama dan ada yang tidak sama. Apa yang sama dengan karakter Azzam dengan dirinya adalah hanya dari suku beliau iaitu suku Jawa dan yang membezakannya pulak adalah dari segi usia dan kedewasaan. Dalam filem ini beliau melakonkan watak pemuda berumur 28 tahun sedangkan umur realitinya adalah 22 tahun.²² Bagi melakonkan watak lelaki dewasa ini, beliau merasakan cukup mencabar buat dirinya. Namun,

²⁰ My Metro, Rap, http://www.hmetro.com.my/articles/Puasjyawataklelaki_wanitaidaman/Article/, Diambil pada 29 November 2012.

²¹ *Ibid.*

²² Kosmo, Hiburan, *Op. Cit.*

mujur ada Chaerul Umam yang banyak memberi bimbingan kepadanya bagaimana bermain emosi dengan baik dan cara melontarkan intonasi dialog.²³

Dari segi pengaruh filem ini, beliau merasakan ia mempunyai pengaruh yang sangat besar. Karakter Azzam itu sendiri telah banyak mempengaruhi beberapa penonton. Ramai yang berkongsi dengan beliau bahawa mereka ingin menamakan anak mereka dengan nama Azzam. Ini kerana mereka berharap nama tersebut dapat memberi manfaat untuk anak-anak mereka. Bagi diri beliau karakter Azzam ini memang karakter yang bagus untuk diteladani.²⁴

Selain dari pengaruh nama, beliau sendiri sebagai pelakon banyak mempelajari sifat-sifat positif daripada Azzam. Malah watak ini telah dapat membantu mematangkan dirinya. Oleh itu beliau harap masyarakat juga dapat mempelajarinya. Sewaktu ketika beliau ke Bali, ramai yang memberitahu bahawa mereka mahu menghantar anak masing-masing untuk mendalami Islam. Selama ini mereka tidak pernah terfikir berbuat begitu. Malah ada yang mahu menghantar anak mereka belajar ke Mesir. Melihat kepada situasi tersebut, beliau merasakan pengaruh sosial ini terjadi apabila mereka mula terfikir malah berasa akrab dengan agama Islam.²⁵

²³ My Metro, Rap, *Op. Cit.*

²⁴ Kosmo, Hiburan, *Op. Cit.*

²⁵ *Ibid.*

ii. **Oki Setiana Dewi (Pelakon Filem *Ketika Cinta Bertasbih*)**



Gambar Rajah 3.10: Oki Setiana Dewi

Puteri ini bernama Oki Setiana Dewi, biasanya dia dikenali dengan nama Oki. Beliau berasal dari Batam, Indonesia dan dilahirkan pada 13 Januari 1989. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Oki merupakan seorang mahasiswa jurusan Sastera Belanda dari Fakulti Ilmu Pengetahuan Budaya, Universiti Indonesia. Beliau berminat mengambil jurusan tersebut kerana mahu mendekati sejarah Indonesia yang banyak dipengaruhi Belanda. Dalam masa yang sama beliau bercita-cita menjadi speaker seminar dan penulis novel.²⁶

Seperti sama dengan Kholidi Asadil Alam, filem pertama lakonan beliau adalah filem *Ketika Cinta Bersabih* (2009) dan filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2009) pula merupakan filem kedua lakonan beliau. Selain itu beliau juga terlibat dalam membintangi drama *Ketika Cinta Bertasbih - Spesial Ramadan* (2010), *Ketika Cinta Bertasbih - Meraih Ridho Ilahi* (2010) dan *Dari Sujud Ke Sujud* (2011).²⁷

²⁶ My Metro, Rap, *Op. Cit.*

²⁷ *Ibid.*

Beliau sememangnya bersyukur kerana beliau berjaya memegang watak Anna dalam filem ini. Ini kerana sebelum menyertai uji bakat, beliau sudah terlebih dulu membaca novel *Ketika Cinta Bertasbih*. Kesan dari pembacaan itu, beliau amat teringin untuk menjadi Anna yang realiti. Anna yang digambarkan adalah seorang gadis bersopan santun dan berbakti pada usia mudanya. Syukur selepas setahun membaca novel ini, peluang dibuka untuk mencari pelakon filem *Ketika Cinta Bertasbih* dan ketika itu beliau hanya mencuba sahaja. Ditambah pula beliau sememangnya sudah bertudung, maka beliau merasakan watak Anna cukup sesuai dengan diri beliau. Apa yang pasti selepas melakonkan watak ini beliau merasakan ia mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap wanita bertudung yang selama ini kurang diberi perhatian.²⁸

Selama berada dalam proses uji bakat filem ini, telah pelbagai perkara beliau pelajari. Keperibadian individu itu dinilai dan begitu juga dengan ketulenan memakai tudung. Semasa saringan akhir beliau telah diuji membaca ayat Quran, beliau diajar *tahajjud* dan ilmu tafsir. Pengalaman ini bukan hanya dirasai oleh beliau sahaja, malah mereka yang menyertai uji bakat tersebut. Sehingga sampai ke satu tahap, mereka semua merasakan ia bukan lagi satu pertandingan. Kerana telah banyak ilmu yang mereka pelajari dari sebalik uji bakat ini.²⁹

Pengaruh filem ini mempunyai impaknya yang amat luar biasa. Bukan hanya terhadap pelakon sahaja malah ia juga memberi kesan ke atas kru-kru yang terlibat. Ini kerana filem ini dilingkungi dengan unsur-unsur yang baik dan bermanfaat.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

Impaknya menjadikan setiap mereka yang terlibat atau menonton filem ini menjadi orang yang lebih baik.³⁰

Beliau juga tidak terkecuali menerima kesan dakwah filem tersebut. Filem ini banyak memberi pengajaran dan pendidikan kepada diri beliau. Sehingga ke detik ini, beliau masih meneladani watak Ana. Ada pelajaran baharu yang beliau dapat dalam kehidupan seharian beliau. Kerana ini beliau merasakan terpilih untuk berlakon dalam filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan *hikmah* besar buat diri beliau.³¹

Selain itu beliau berasa bertuah kerana dapat mengunjungi tempat-tempat yang menarik, dapat mengenali ramai orang dan menambah ilmu pengetahuan serta dapat meningkatkan wawasan beliau. Lebih penting lagi, beliau dapat bertemu dengan manusia hebat yang membuatkan diri beliau terpacu untuk terus berprestasi.³²

Bagi beliau filem ini bukan seperti naskhah biasa dan bukan hanya tempat kerja sahaja, tetapi juga tempat beliau menimba ilmu, memperbaiki akhlak dan menyelesaikan masalah. Beliau juga berharap penonton dapat memperoleh manfaat yang sama.³³

³⁰ Kosmo, Hiburan, *Op. Cit.*

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

3.5.3 Analisis Sarjana

Dari pemerhatian para sarjana, filem ini terdapat beberapa elemen kekuatan dan elemen kelemahan.

Elemen Kekuatan

Elemen kekuatan yang pertama adalah, filem ini merupakan hasil adaptasi dari novel *Ketika Cinta Bertasbih*.³⁴ Novel ini amat hebat dan terkenal di Malaysia dan Indonesia. Selain itu novel ini merupakan hasil pemikiran penulisan seorang sarjana Al-Azhar iaitu Habiburrahman el-Shirazy. Beliau seorang yang hebat dari segi penulisannya, buktinya penulisan beliau telah banyak memperoleh kejayaan serta beberapa anugerah.

Elemen kekuatan yang kedua adalah, filem ini telah diarah oleh pengarah yang tersohor iaitu Chaerul Umam.³⁵ Beliau merupakan salah seorang pengarah filem yang hebat di Indonesia. Beliau telah berjaya menanggapi karya Habiburrahman El-Shirazy ini penuh cermat. Selain itu beliau telah dibantu oleh pengarah *casting* terkenal iaitu Deddy Mizwar. Deddy Mizwar tidak kurang hebatnya dalam bidang profileman, kerana beliau merupakan tokoh profileman Islam yang amat dihormati di Indonesia.³⁶

³⁴ Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.*, (Jurnal) Hlm. 139. Dan lihat dalam Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.*, (Kertas Persidangan), Hlm. 43.

³⁵ Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.*, (Jurnal). Dan lihat dalam Abdullah Yusof et. al. (2010), *Op. Cit.*, (Kertas Persidangan), Hlm. 44.

³⁶ Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.* (Jurnal).

Elemen kekuatan yang ketiga adalah, keunikan serta kesesuaian tempat lakonan yang dipilih bersesuaian dengan jalan penceritaan.³⁷ Filem ini berlatarbelakangkan kesibukan Kota Kaherah dan ketekunan pencari ilmu di gedung ilmu tersohor Al-Azhar. Pemilihan latar belakang yang mempunyai nilai sejarah serta tamadun Islam yang tinggi ini telah menghidupkan lagi watak lakonan yang dimainkan.

Elemen kekuatan yang keempat adalah, filem ini mampu mengangkat nilai-nilai akhlak serta moral di dalam Islam seperti menggambarkan kecantikan dan keayuan wanita yang memakai busana Muslimah, kepentingan dalam menjaga kesucian hubungan antara lelaki dan wanita, kepentingan ilmu dalam kehidupan serta kelebihan dan keistimewaan orang berilmu dalam masyarakat.³⁸

Elemen kekuatan yang kelima adalah, filem ini memperkenalkan adat dan budaya penduduk Aceh seperti tari saman yang merupakan salah satu daripada tarian tradisional Aceh yang selalu dimainkan bagi memperingati kelahiran Rasulullah, tempe serta bakso yang menjadi salah satu daripada makanan popular di Indonesia, dan menggambarkan cara makan dengan tangan yang menjadi kebiasaan masyarakat Indonesia.³⁹

Elemen kekuatan yang keenam adalah, filem ini juga mampu memberi pengajaran kepada penonton tentang kebaikan serta keburukan teknologi komputer.⁴⁰ Filem ini memperlihatkan keistimewaan teknologi komputer ianya mampu menghantar wang

³⁷ Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.* (Jurnal), Hlm. 138. Dan boleh lihat dalam Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.* (Kertas Persidangan).

³⁸ Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.* (Jurnal).

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

menerusi internet seperti yang digambarkan dalam filem ini Azzam mengirim wang kepada keluarga di kampung dengan begitu mudah dan cepat. Manakala dari segi keburukan teknologi komputer ianya mampu menyebarkan gambar-gambar yang boleh menjatuhkan maruah diri seperti yang digambarkan dalam filem ini penyebaran foto lucah Furqan bersama seorang gadis Itali bernama Golda Olmert.

Elemen kekuatan yang ketujuh adalah, filem ini menggambarkan keagungan serta keindahan sebuah percintaan yang berlandaskan syarak. Serta memperlihatkan bentuk-bentuk cinta dalam Islam seperti menyayangi Allah s.w.t., Rasulullah s.a.w. serta sesama insan.⁴¹ Menyayangi Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. dengan melakukan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala perkara yang dilarang. Manakala dalam menyayangi sesama insan elakkan dalam melakukan kezaliman, serta menjaga kesucian dan kehormatan seseorang.

Elemen kekuatan yang kelapan adalah, filem ini menggambarkan tentang kemuliaan dan keindahan Islam yang diberikan ke atas kaum wanita. Ianya mampu menjernihkan tanggapan buruk orang bukan Islam terhadap agama Islam, serta terhadap golongan Islam fobia. Dalam filem ini kita boleh lihat bagaimana agama Islam memberi kebebasan hak kepada wanita dalam memilih jodoh, membentarkan wanita meletakkan syarat dalam perkahwinan, hak kebebasan kepada wanita dalam kewajipan menuntut ilmu serta memperoleh kejayaan seperti golongan lelaki.

Elemen kekuatan yang kesembilan adalah, filem ini mengajar kita agar menitik beratkan hal dunia dan akhirat. Agama Islam tidak hanya mementingkan hal akhirat

⁴¹ *Ibid.*

semata-mata, tetapi ianya perlu diseimbangkan antara dunia dan akhirat. Ini yang digambarkan oleh Azzam untuk terus berusaha dalam perniagaannya. Walaupun sibuk berniaga beliau tidak lupa kepada kewajipan dalam menuntut ilmu dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat.⁴²

Elemen Kelemahan

Elemen kelemahan yang pertama adalah, masih wujud persentuhan antara artis lelaki dengan wanita. Kemesraan antara Azzam dengan Eliana begitu ketara semasa tiba di lapangan terbang sehingga wujud persentuhan antara Azzam dan Eliana. Walaupun sentuhan itu tidak begitu ketara tetapi ianya masih boleh dipertikai. Tidak ada langsung di raut muka Azzam rasa bersalah atau ingin mengelak ketika Eliana memegang lengannya. Kemesraan antara Azzam dengan Eliana begitu jelas sehingga pihak-pihak wartawan menyangka Azzam adalah teman lelaki Eliana. Bukti ini seperti berikut:



⁴² *Ibid.*, Hlm. 138-139. Dan boleh juga lihat di dalam Abdullah Yusof et al. (2010), *Op. Cit.* (Kertas Persidangan), Hlm. 45.

Elemen kelemahan yang kedua adalah, dalam filem ini ada terdapat sedikit latar belakang yang agak kurang menarik. Jika dilihat dalam babak ketika Pak Ali berjalan bersama Azzam di sisir pantai Iskandariah kelihatan beberapa pelancong sedang mengambil foto dengan gaya lucu dan aneh. Mungkin ia nampak tidak kecacatan atau hanya kecacatan kecil, tetapi ia perlu diambil serius. Kerana adegan itu dilakukan oleh dua orang wanita yang tidak menutup aurat. Ini boleh mengaibkan wanita berkenaan dan mencacatkan sebuah filem yang berunsur Islam.

Elemen kelemahan yang ketiga adalah, filem ini seperti menggambarkan graduan mahasiswa Al-Azhar tidak mampu melawan gelombang hawa nafsu. Sebagai contoh dalam filem ini ia seperti menggambarkan keadaan Azzam yang terdesak untuk berkahwin, sehingga sanggup ke hulu ke hilir untuk mencari calon isteri. Setelah beberapa wanita gagal dikahwini akhirnya Azzam meminta bantuan Kiai Lutfi untuk memilih mana-mana gadis untuk disatukan dengannya.

Elemen kelemahan yang keempat adalah, ketika Abduh datang menemui Furqan bagi mendapatkan kepastian tentang gambar Furqan bersama seorang wanita yang tersebar di internet, di mana Abduh telah menyerang Furqan dengan tanpa meminta penjelasan dari Furqan terlebih dahulu. Babak ini berbeza dengan watak yang terdapat dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih*.⁴³ Bagi penulis watak dalam novel lebih menarik kerana ianya boleh memberi pengajaran kepada penonton, agar kita sentiasa bersangka baik sesama manusia.

⁴³ Habiburrahman El-Shirazy (2007), *Op. Cit.*, Hlm. 367-369.

3.7 RATING DAN SAMBUTAN

Filem ini telah membuktikan kejayaan dengan belanjawan filem termahal Indonesia iaitu RM14 juta dan telah ditayangkan di 148 pawagam di seluruh negaranya.⁴⁴

Ketika Cinta Bertasbih merupakan filem Indonesia terlaris tahun 2009 dengan jumlah penonton 3 juta orang. Kemudian diikuti sambungannya filem *Ketika Cinta Bertasbih 2* yang berhasil meraih 1.5 juta penonton.⁴⁵ Ini jelas membuktikan bahawa filem Islam mempunyai kehebatannya yang tersendiri.

3.8 KESIMPULAN

Filem *Ketika Cinta Bertasbih* merupakan hasil pemikiran untuk menyampaikan dakwah Islam. Filem yang berlatar belakangkan suasana di Mesir dan Indonesia ini memilih pelakon dengan begitu teliti, terutama yang boleh membaca Quran. Unsur-unsur penceritaan filem ini, ia menggambarkan suasana pelajar di Al-Azhar, percintaan mengikut lunas-lunas Islam, kasih sayang dalam kekeluargaan dan hubungan kemasyarakatan. Selain itu terdapat dialog yang mempunyai unsur pengajaran yang berkaitan hukum-hukum yang mungkin belum pernah masyarakat mengetahuinya. Kemunculan filem ini dan sambutan penonton memperlihatkan filem Islam mula mendapat tempat di persada perfileman.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Indonesia's Showbiz Insiders, <http://indoshowbizinsiders.weebly.com/box-office.html>, Diambil pada 28 November 2012.